

## **10 Mac 1983**

Mata melilau memerhatikan sekeliling. Tangan meraba-raba kerusi yang didudukinya. Tempat duduk berkusyen merah. Dinding-dinding bas kelihatan kuning pусam. Hairan melihat tingkap-tingkap bas dibuka membenarkan angin masuk ke dalam. Dia gelisah memerhatikan pemandangan di luarnya yang dikelilingi pokok seakan-akan dia berada di kawasan hutan. Bas itu sudah bergerak agak lama tetapi pemandangan di sekeliling seolah-olah tidak berganjak dari sepuluh minit yang lepas. Dalam diam, dia cuba sedaya-upaya menggali ke dasar ingatan.

*Ke mana hala tuju aku sebenarnya?*

Matanya membelingas lagi. Julia merenung pada tiket bas di tangannya.

*Hah, tiket bas?*

Ada beberapa perkataan yang samar-samar berlegar dalam fikirannya yang mungkin akan menjadi petunjuk bagi destinasiya. Julia dengan cepat mengambil buku nota kecil dari begnya dan mencatatkan terus apa sahaja yang dia dapat cunghil daripada ingatannya yang kian memudar. Semakin lama bas itu bergerak, semakin mudah perkataan-perkataan itu lucut dari benaknya.

Abah. Wali. Diari.

Julia membelek-belek semula buku yang dia sedang catatkan itu. Ah! Buku yang disangkakan buku nota itu ialah diari lama ibunya. Semasa dia cuba mencari apa sahaja di rumah yang boleh membantunya mencari ayahnya, dia terjumpa diari ini dalam sebuah peti yang tidak terkunci. Dalam diari inilah tersimpan segala serpihan-serpihan kenangan Ibu bersama ayahnya, walaupun Julia perlu mencantumkan semula seperti bermain susun suai gambar.